

K'jaan nafi halang komunikasi semasa BERSIH 3.0

MalaysiaKini.com

June 14, 2012

Oleh Hazlan Zakaria

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menafikan dakwaan bahawa pihak berkuasa telah menggunakan penghalang komunikasi boleh-alih sewaktu perhimpunan BERSIH 3.0 yang menuntut formasi pilihan raya.

Dalam satu jawapan bertulis kepada soalan ahli Parlimen DAP Batu Gajah, Fong Po Kuan, kementerian itu berkata adalah tidak benar kerajaan telah menghalang komunikasi (selular).

Sebaliknya, ia menyalahkan jumlah besar orang ramai yang bertumpu di kawasan yang kecil sewaktu perhimpunan tersebut di sekitar Dataran Merdeka Kuala Lumpur, sebagai penyebab berlakunya gangguan komunikasi.

Menurutnya, secara umumnya, sistem telekomunikasi selular tidak mempunyai kapasiti untuk menyokong komunikasi suara dan data secara besar-besaran seperti apa yang berlaku semasa perhimpunan BERSIH 3.0.

Fong, dalam soalnya, ingin tahu mengapa komunikasi selular terganggu semasa perhimpunan tersebut, dan sama ada benar ia sengaja disekat untuk menafikan komunikasi antara peserta perhimpunan tersebut.

Wartawan dan peserta BERSIH 3.0 melaporkan kegagalan komunikasi selular yang serius semasa perhimpunan tersebut.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <http://www.malaysiakini.com/news/200870>